

TEKS UCAPAN  
YANG BERHORMAT DATUK LIEW VUI KEONG  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (UNDANG-UNDANG)  
MERANGKAP AHLI PARLIMEN P185 BATU SAPI  
SEMPENA PROGRAM KARNIVAL TAMAN SERI LABUK, 24 FEBRUARY 2019.

Terima kasih tuan pengerusi majlis.

Yang Berbahagia En. Andrian Mumin

Pengerusi Karnival Taman Seri Labuk, merangkap Pengerusi Kelab Catur Sandakan.

Yang Berbahagia Ustaz Mohd Zaim Zainal Mukhtar

Penyelaras Program Karnival Taman Seri Labuk.

Para AJK KRT, AJK Masjid, seterusnya tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian. Selamat pagi dan salam Sayangi Malaysiaku.

Terlebih dahulu marilah kita memanjatkan kesyukuran kita kepada yang maha kuasa kerana dengan izinNya kita dapat berkumpul di sini bersempena dengan anjuran Karnival Taman Seri Labuk yang sangat bermakna ini.

Saya difahamkan program ini adalah bertujuan untuk mengeratkan ikatan silaturahim sesama kita, disamping memperkenalkan Taman Seri Labuk kepada masyarakat Sandakan khususnya bagi mereka yang masih belum mengetahui dimanakah letaknya Taman ini. Maka dengan adanya program seumpama ini,

maka Taman Seri Labuk akan lebih dikenali, sekaligus menjana silaturahmi dan peluang-peluang yang boleh menjana pendapatan.

Hadirin yang dikasihi sekalian.

Program seumpama ini, iaitu yang berkaitan dengan aktiviti bersosial seperti melalui sukan dan permainan ini adalah amat kita galakkan. Ini kerana ia dapat membantu kita khususnya generasi muda agar dapat lebih berinteraksi sesama sendiri di luar rumah berbanding hanya meluangkan masa dengan alat-alat gajet ternyata banyak mencuri masa terluang remaja masa kini di dalam alam maya. Senario sebegini merupakan sesuatu yang sangat tidak sihat dan ini telah terbukti melalui satu kajian dimana antara kesan keatas mereka yang banyak menghabiskan masa dengan gajet ialah mereka akan mengalami kurang keyakinan diri dalam berhadapan dengan dunia sebenar, khususnya berkaitan dengan alam pekerjaan. Bagi saya ini adalah satu kerugian yang amat besar bagi remaja berkenaan, dimana kesan daripada ini akan membawa kepada kesukaran kepada mereka untuk menempuh alam pekerjaan setelah tamat alam persekolahan kelak.

Hadirin yang dikasihi sekalian.

Seperti yang kita ketahui, negara amat bergantung kepada generasi masa kini dalam meneruskan agenda pembangunan negara. Justeru aspek pendidikan yang disertai dengan aktiviti kesihatan seumpama ini adalah amat dititik beratkan. Ini seiring dengan agenda pembangunan pendidikan negara yang

mahu melihat generasi masa ini lebih seimbang dari segi ilmu pendidikan, jasmani dan rohani, seterusnya dapat melahirkan pelapis negara yang lebih berdaya saing dalam era kemajuan dan kemodenan global yang kita lihat sekarang. Pendekatan ini tidak dapat kita elakkan, sebaliknya kita harus mempersiapkan para pelapis negara untuk berhadapan dengan keperluan negara dari semasa ke semasa.

Hadirin yang dihormati sekalian.

Dibawah pimpinan Perdana Menteri Tun Mahathir bin Muhammad bersama kerajaan Pakatan Harapan, aspek dalam meningkatkan mutu sukan negara tidak pernah ditinggirkan. Pelbagai prasarana dan kemudahan untuk memajukan bidang sukan di negara ini kini sedang giat dijalankan. Tidak ketinggalan juga kerajaan turut mengambil kira dan mengambil berat sebarang permasalahan-permasalahan yang timbul dan yang menimpa para atlet-atlet negara. Ini termasuklah yang berkaitan dengan isu kebajikan, pembayaran gaji dan sebagainya. Keprihatinan ini amat jelas apabila kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM280 kepada Majlis Sukan Negara (MSN) bagi memastikan pembangunan yang menyeluruh dapat dilaksanakan.

Hadirin sekalian.

Seperti yang kita sedia maklum, antara ancaman yang kerap menimpa para belia di negara kita ialah berkaitan dengan gejala penyalahgunaan dadah. Baru-baru ini Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) telah merekodkan nilai

rampasan dadah keseluruhan RM340.98 juta di seluruh negara, dari 1 Januari hingga 8 November. Dalam tempoh sama, seramai 143, 430 orang ditangkap untuk pelbagai kesalahan dadah berkaitan bekalan (22,660 orang), memiliki (56, 367) dan urin positif (66, 403). Ini merupakan satu angka yang bukan kecil dan seharusnya diambil berat oleh semua pihak agar dapat menghindarkan diri dan mengelak daripada terjebak dengan gejala yang memusnahkan kehidupan seseorang itu. Justeru aktiviti seperti yang dijalankan pada hari ini umpamanya, adalah amat saya galakkan dan saya harap agar lebih banyak pihak persatuan dan kelab untuk tampil menganjurkan aktiviti-aktiviti sihat seperti ini, dan sekiranya pihak persatuan atau kelab memerlukan sebarang sokongan dan bantuan, jangan segan untuk datang pejabat Pusat Khidmat Rakyat P185 Batu Sapi. Mudah-mudahan perkara yang baik akan dapat kita laksanakan dengan lancar demi kebaikan para warga Sandakan, khususnya para belia di daerah ini.

Akhir kata daripada saya, semoga perkara baik dan aktiviti bermanfaat seperti ini akan dapat diteruskan dari semasa ke semasa, dan marilah kita bersama-sama memberikan sokongan kepada agenda pembangunan negara tanpa perasaan berbelah bahagi demi memastikan negara kita terus makmur dan aman sepanjang masa.

Dari itu saya merasmikan Karnival Taman Seri Labuk ini dengan rasminya. Sekian dan terima kasih.

Tamat.